



13 MAR, 2024

Kerjasama teroka tenaga lestari

SelangorKini, Malaysia



Page 1 of 2

Kerjasama teroka tenaga lestari

KUALA LUMPUR - Kerajaan Negeri, Worldwide Holdings Berhad (WHB) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi meneroka pembangunan berkaitan projek tenaga di Selangor.

Memorandum itu juga membuka peluang perniagaan dalam bidang tenaga boleh diperbaharui, tidak boleh diperbaharui dan lestari sekali gus menyokong matlamat pelepasan sifar karbon menjelang 2050.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata perjanjian itu sebahagian pelengkap Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) untuk membina negeri dan negara yang bukan saja maju daripada segi ekonomi tetapi juga mampan serta berdaya huni.

"Ia (antaranya) menjurus kepada projek Taman Suria Berpusat (CSP) yang akan dibangunkan merentasi beberapa negeri dan di Selangor kita melihat kawasan Hulu Bernam (antara yang sesuai).

"Pelbagai lagi kerjasama lain boleh dikembangkan menerusi perjanjian pintar ini bagi memastikan infrastruktur lebih cekap daripada segi penggunaan tenaga," katanya pada 5 Mac.